

# FAKTOR DORONGAN DAN HALANGAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR OLEH GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH BESTARI

Mohd Faez Ilias  
Muhamad Faiz Ismail  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Ilias, M. F., Ismail, M. F. & Jasmi, K. A. (2013). Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari (Motivation Factors and Obstacles use of teaching aids by the Islamic Education Teacher in Smart School) in 3rd. *International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013]* at EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia on 6 - 7 April 2013, p. 943-953. ISBN: 978-96710160-4-6.

## ABSTRACT

Artikel ini membincangkan berkenaan faktor penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) oleh guru Pendidikan Islam (GPI) di Sekolah Bestari. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor dorongan dan halangan penggunaan BBM oleh GPI. Kajian ini menggunakan reka-bentuk kajian kes dengan instrumen temu bual mendalam untuk mendapatkan data daripada seorang GPI, rakan GPI dan penyelia GPI. Data temu bual dianalisis menggunakan perisian NVivo 7.0 untuk membentuk tema dan membina jadual matrik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor yang mendorong penggunaan BBM ialah kefahaman pelajar, minat pelajar, reaksi positif pelajar dan kemudahan guru untuk mengajar. Manakala, halangan dalam penggunaan BBM pula ialah kekangan masa, kekurangan BBM, tempat yang terhad, masalah teknikal, kurang kreativiti dan sikap guru yang negatif.

## REFERENCES

- Abdul Wahab Ismail Gani, Kamaliah Siarap & Hasrina Mustafa (2006). Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran-Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes Di Pulau Pinang dlm. Shakila Abdul Manan (et al., 2006). *Kajian Malaysia, Journal of Malaysian Studies*. Pulau Pinang : USM Press.
- Ahmad, J. (2009). *Teaching of Biological Sciences*. New Delhi: PHI Learning Pvt. Ltd.
- Anderson, S.E. (2002). *Improving Schools Through Teacher Development: Case Studies of the Aga Khan Foundation Projects In East Africa*. Netherlands: Swets & Zeitlinger.
- Barbara Gross Davis (2009). *Tools for Teaching*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Byram, Michael (ed) (2004). *The Routledge Encyclopedia of Language Teaching and Learning*. London: Routledge.
- Charlie Anak Ungang (2008). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemuliharaan: Kajian Kes di Lima Buah Sekolah Daerah Serian. *Jurnal Penyelidikan IPBL, Miri*. Jilid 8.
- Ismail Zain (2002). *Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kochhar, S.K. (2000). *The Teaching of Social Studies*. New Delhi: Sterling Publishers Pvt. Ltd.
- Maimun Aqsha Lubis, Melor Md Yunus, Mohammed Diao, Tajul Arifin Muhamad, Ramlee Mustapha, Noriah Mohd Ishak (2011a). The Perception and Method in Teaching and Learning Islamic Education. *International Journal of Education and Information Technologies*. Issue 1, Volume 5.
- Maimun Aqsha Lubis, Abdullah Awang Lampoh, Melor Md. Yunus, Shah Nazim Shahar, Noriah Mohd Ishak, Tajul Arifin Muhamad (2011b). The Use of ICT in Teaching Islamic Subjects in Brunei Darussalam. *International Journal of Education and Information Technologies*. Issue 1, Volume 5.

- Masidah Masri (2003). Pembangunan dan Penilaian Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) Berbantuan Komputer Bagi Mata Pelajaran Pengurusan Perniagaan. Tesis Sarjana. Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Tun Hussein Onn.
- Mohd. Izham Mohd. Hamzah & Noraini Attan (2007). Tahap Kesiediaan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran. Jurnal Teknologi. Skudai: UTM.
- Pathak, R.P. & Chaudhary, J. (2012). Educational Technology. India: Dorling Kindersley Pvt. Ltd.
- Saemah Rahman & Siti Fatimah Mohd Yassin (2008). Kemahiran Mengakses Dan Mempelajari Bahan Hiperteks Dalam Kalangan Guru Pelatih. Jurnal Pendidikan 33 (2008) 81-94.
- Malaysian Journal of Education : Faculty of education, UKM.
- Shahril Sabudin, Nor Hayati Alwi, Hanafi Atan, Wong Su Luan (2008). Sikap Guru Sains di Negeri Sembilan Terhadap Penggunaan Teknologi Komputer di Makmal Sains. Jurnal teknologi. Skudai: utm
- Siddiqui, M.H. (2008). Teaching Of Home Science. New Delhi: APH Publishing Corporation.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. Journal of Islamic and Arabic Education, 2(2), 2010 53-64.
- Shivkumar Rautrao (2012). Significance of Aideo-visual Aids in Teaching English. Indian Streams Research Journal. Volume 2, Issue. 9, ISSN:-2230-7850, Oct. 2012.
- Stephen, Ndawula (2009). Teaching With Sponsored Instructional Materials: Attitudes of Teachers in Uganda. Journal of Educational Media & Library Sciences. Vol. 47, no. 1, 83-95.
- Tang Keow Ngang & Abdul Ghani Kanesan Abdullah (2006). Kesiediaan Dan Keberkesanan Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Biologi Di Sebuah Sekolah Menengah. Jurnal pendidikan (Journal of Educational Research). Kuala Lumpur : UM
- Vanaja, M. & Rao, D.B. (2004). Methods of Teaching Physic. New Delhi: discovery Publishing House.
- Zurina Yasak, Shamsudin Yamhari, & Ahmad Esa (2010). Penggunaan Teknologi dalam Mengajar Sains di Sekolah Rendah. Presiding Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2010, 2-3 Ogos 2010, Shah Alam.



## Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari

Mohd Faez Ilias, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia

[mohdfacezilias@gmail.com](mailto:mohdfacezilias@gmail.com), [ismida87@gmail.com](mailto:ismida87@gmail.com), [gamar@utm.my](mailto:gamar@utm.my)

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan berkenaan faktor penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) oleh guru Pendidikan Islam (GPI) di Sekolah Bestari. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor dorongan dan halangan penggunaan BBM oleh GPI. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kes dengan instrumen temu bual mendalam untuk mendapatkan data daripada seorang GPI, rakan GPI dan penyelia GPI. Data temu bual dianalisis menggunakan perisian NVivo 7.0 untuk membentuk tema dan membina jadual matrik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor yang mendorong penggunaan BBM ialah kefahaman pelajar, minat pelajar, reaksi positif pelajar dan kemudahan guru untuk mengajar. Manakala, halangan dalam penggunaan BBM pula ialah kekangan masa, kekurangan BBM, tempat yang terhad, masalah teknikal, kurang kreativiti dan sikap guru yang negatif.

**Kata kunci:** Faktor dorongan, faktor halangan, penggunaan BBM, guru Pendidikan Islam, Sekolah

### Bestari. PENDAHULUAN

Dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P), penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) merupakan suatu aspek yang perlu dititikberatkan oleh guru. Walaupun BBM merupakan bahan bantuan, terdapat juga beberapa BBM yang merupakan bahan wajib digunakan. Sebagai contoh, penggunaan buku teks merupakan satu kewajipan bagi setiap guru kerana di dalamnya terkandung sukatan pelajaran. Bahan bantu mengajar merupakan segala bahan yang digunakan oleh guru ketika P&P (CALD, 2003). Tujuan penggunaan BBM juga adalah untuk menyokong proses P&P yang dilakukan oleh guru ketika mengajar (Byram, 2004).

Secara umumnya, terdapat beberapa pengkaji yang membahaskan tentang pembahagian BBM. Antaranya, Ismail Zain (2002) yang membahagikan BBM kepada dua iaitu berasaskan komputer dan bukan berasaskan komputer. Pathak dan Chaudhary (2012) pula membahagikan BBM kepada tiga bahagian iaitu bahan audio, visual, dan audio-visual. Manakala pecahan kepada empat jenis BBM ialah audio, visual, audio-visual (Shivkumar, 2012), dan bahan bercetak (Kochhar, 2000). Vanaja dan Rao (2004) menggantikan bahan bercetak kepada bahan aktiviti dan Siddiqui (2008) menambah bahan tiga dimensi sebagai jenis BBM yang lain. Manakala Ahmad (2009) menambah dua bahagian lagi iaitu perisian dan interaksi manusia kepada tiga jenis BBM yang telah dinyatakan sebelum ini. Pembahagian BBM menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) adalah berbentuk (i) sumber semulajadi, dan (ii) sumber elektronik. Sumber semulajadi dibahagikan kepada dua iaitu (i) sumber asas dan (ii) sumber sampingan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai penggunaan BBM, terdapat halangan penggunaan BBM yang dinyatakan iaitu kekangan masa (Tang dan Abdul Ghani, 2006; Mohd Izham dan Noraini Attan, 2007), masalah teknikal (Siti Fatimah dan Ab Halim, 2010) serta tidak berkemahiran (Saemah Rahman dan Siti Ftimah, 2008). Namun, terdapat juga kajian yang menyatakan tentang faktor yang mendorong penggunaan BBM. Antaranya ialah kajian oleh Maimun Aqsha et al. (2011) menyatakan bahawa faktor peribadi guru merupakan pendorong utama dalam menggunakan BBM. Selain itu, kemudahan peralatan yang disediakan oleh pihak sekolah turut menggalakkan penggunaan BBM (Zainuddin et al., 2008).

Hakikatnya, penggunaan BBM ketika P&P mendatangkan banyak manfaat kepada guru mahupun pelajar. Antara manfaatnya ialah memudahkan guru mengajar di samping boleh meningkatkan kefahaman pelajar (Mohd Izham dan Noraini Attan, 2007; Charlie Anak Ungang, 2008;

Maimun Aqsha et al., 2011a, 2011b). Selain itu, ia mampu membantu guru menyampaikan sesuatu pengajaran yang sukar dan susah untuk difahami (Tang dan Abdul Ghani, 2006). Keberkesanan penggunaan BBM ini turut jelas dilihat apabila guru mampu untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka. Secara tidak langsung, budaya P&P dengan kepelbagaian penggunaan BBM dapat disuburkan ketika pengajaran guru. Selain itu kesan penggunaan BBM mampu merangsang pelajar untuk menumpukan fokus dan perhatian kepada pengajaran guru. Kesan ini dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010). Dapatan kajian menunjukkan bahawa 96.7 peratus daripada 270 orang guru bersetuju bahawa penggunaan BBM mampu menarik minat pelajar. Selain itu, dapatan kajian Charlie Anak Ungang (2008) turut menyatakan bahawa penggunaan BBM mampu menarik minat pelajar. Buktinya semua 20 orang guru dan pelajar sekolah rendah di daerah Serian, Sarawak bersetuju dengan kesan penggunaan BBM yang telah dinyatakan. Selain peranan guru menarik minat pelajar dengan penggunaan BBM, pelajar itu sendiri menyatakan kesedaran dengan meminati P&P yang disampaikan oleh guru. Kesedaran pelajar ini dinyatakan melalui dapatan kajian oleh Tang dan Abdul Ghani (2006) bahawa pelajar dapat memberikan perhatian mereka terhadap pengajaran guru apabila menggunakan BBM.

Walau bagaimanapun, guru terpaksa berdepan dengan pelbagai halangan dan permasalahan. Halangan utama yang mempengaruhi penggunaan BBM adalah keperibadian guru itu sendiri (Abdul Wahab et al., 2006). Faktor peribadi yang mempengaruhinya ialah kemahiran dalam mengendalikan BBM dengan baik. Keadaan ini adalah kesan daripada kekurangan maklumat dan informasi guru yang terhad mengenai sesuatu subjek yang ingin disampaikan. Kajian Abdul Wahab et al., (2006) membuktikan bahawa 49.1 peratus daripada 184 orang guru di tiga buah sekolah tidak menggunakan BBM adalah disebabkan faktor peribadi mereka. Antara faktor peribadi yang telah dikenalpasti ialah tidak bersedia, tidak yakin, tidak pandai, membebankan, dan tidak minat untuk menggunakan BBM. Punca kewujudan faktor peribadi yang menghalang penggunaan BBM ini adalah disebabkan oleh pengalaman guru yang tidak meluas. Hal ini ditunjukkan melalui dapatan kajian oleh Mohd Izham dan Noraini Attan (2007) bahawa seramai 31.4 peratus daripada 223 orang guru tidak mempunyai pengalaman dalam penggunaan BBM. Hasil dapatan ini secara tidak langsung menyumbang sebagai faktor yang menghalang guru-guru untuk menggunakan BBM.

Walaupun terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan mengenai penggunaan BBM (Shahril Sabudin et al., 2008; Melvina dan Jamaludin, 2010), namun kajian tersebut hanya menilai faktor penggunaannya dengan menggunakan metod kuantitatif. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor penggunaan BBM oleh guru Pendidikan Islam (GPI) dengan menggunakan metod kualitatif. Hal ini demikian kerana metod kualitatif dapat meneroka faktor tersebut secara mendalam dan seterusnya membolehkan pengkaji memahami senario yang berlaku dalam konteks yang sebenar. Dengan kata lain, kajian ini merupakan kajian yang mendalam dan pengkaji berperanan sebagai instrumen di samping pelaksanaan temu bual untuk mengumpulkan data.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor penggunaan BBM oleh guru Pendidikan Islam di sebuah Sekolah Bestari. Secara terperinci, objektif kajian ini ialah (i) mengenai pasti faktor yang mendorong penggunaan BBM oleh GPI ketika P&P, dan (ii) mengenai pasti faktor yang menghalang penggunaan BBM oleh GPI ketika P&P. Manakala persoalan kajian yang timbul daripada objektif kajian ini ialah, (i) apakah faktor yang mendorong GPI untuk menggunakan BBM ketika P&P? dan (ii) apakah faktor yang menghalang GPI untuk menggunakan BBM ketika P&P?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian kes. Instrumen temu bual mendalam digunakan untuk mendapatkan data kajian. Responden kajian adalah terdiri daripada seorang guru Pendidikan Islam (GPI) sebagai responden utama manakala rakan GPI dan penyelia GPI sebagai informan. Lokasi kajian adalah sebuah sekolah bestari di daerah Johor Bahru dan pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan penilaian Smart School Qualification Standard (SSQS) yang dilakukan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor (BTPNJ). Selain itu, pemilihan lokasi juga merujuk kepada pencapaian 100% bagi subjek Pendidikan Islam PMR yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Johor (JPNJ). Kemudian data temu bual yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian NVivo 7.0. Pengkodan dibuat untuk pembentukan tema-tema tertentu seterusnya pembinaan jadual matrik dan menghasilkan model.

**Faktor Dorongan Penggunaan BBM**

Pengkaji telah meneroka faktor yang mendorong GPI menggunakan BBM dalam P&P Pendidikan Islam. Dapatan juga disokong oleh pandangan penyelia GPI dan rakan GPI.

**Jadual 1** : Faktor Dorongan Penggunaan BBM

Faktor Dorongan	GPI	PG	RG
Meningkatkan kefahaman	X	X	X
Menarik minat pelajar	X	X	
Mewujudkan reaksi positif	X	X	
Memudahkan guru mengajar	X	X	

GPI=Guru Pendidikan Islam, PG=Penyelia Guru Pendidikan Islam, RG=Rakan Guru Pendidikan Islam

Berdasarkan Jadual 1, GPI menggunakan BBM dalam P&P Pendidikan Islam kerana ia mampu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap pelajaran. Kefahaman yang jitu membolehkan pelajar melaksanakan amali pendidikan Islam dengan cara yang betul. Hal ini dijelaskan oleh GPI:

*Emm...amali sesuai. Jadi pelajar akan lebih faham dan dia boleh buat dengan betul..*  
(GPI,2012:926)

Selain itu, BBM mampu menarik minat pelajar untuk belajar kerana penggunaannya mengelakkan kebosanan seterusnya membangkitkan motivasi pelajar. Pelajar begitu berminat apabila GPI menggunakan bahan bantu mengajar yang interaktif dan mereka memberikan perhatian dan tumpuan ketika proses P&P. Sebagai contoh:

*Kalau lata pakai LCD projector tu kan...pelajar pun nampak, jelas, dia beri tumpuan..dia tertumpu kepada apa yang kita tunjukkan.*(GPI,2012:524)

Pola dapatan kajian juga menunjukkan bahawa BBM boleh merangsang reaksi yang positif dalam kalangan pelajar seterusnya mewujudkan pembelajaran yang aktif dan bermakna. Reaksi positif dapat dilihat apabila pelajar lebih mudah dan selesa untuk berkomunikasi dengan GPI mengenai sesuatu topik yang diajarkan. Menurut GPI:

*...bila kita gunakan BBM tu pelajar lebih faham dan lebih senang diorang berkomunikasi, naktanya apa dengan kita misalnya.*(GP1,2012:794)

Bahan bantu mengajar turut memudahkan guru untuk mengajar kerana bahan-bahan yang digunakan akan membuatkan penerangan guru lebih jelas dan mudah difahami. Secara keseluruhan, dapat difahami bahawa penggunaan bahan bantu mengajar mampu meningkatkan kefahaman pelajar, menarik minat pelajar, mewujudkan reaksi positif dan memudahkan guru mengajar.

**Faktor Halangan Penggunaan BBM**

Terdapat beberapa masalah atau halangan yang terpaksa dihadapi oleh GPI untuk menggunakan BBM ketika sesi P&P Pendidikan Islam. Halangan ini sedikit sebanyak mampu menjejaskan keberkesanan BBM yang digunakan dalam P&P.

**Jadual 2** : Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Halangan Penggunaan BBM	GPI	PG	RG
Kekangan masa	X	X	X
Kekurangan BBM	X	X	
Tempat terhad	X	X	
Masalah teknikal	X	X	
Kreativiti yang lemah	X		X
Sikap guru			X

GPI=Guru Pendidikan Islam, PG=Penyelia Guru Pendidikan Islam,  
RG=Rakan Guru Pendidikan Islam

Berdasarkan Jadual 2, beberapa halangan penggunaan BBM telah dapat dikenalpasti. Kekangan masa merupakan halangan utama bagi GPI untuk menggunakan BBM kerana jadual guru yang padat, bebanan tugas pengurusan dan keperluan untuk menghabiskan silibus pada masa yang ditetapkan. Hal ini turut diakui oleh rakan GPI:

...kita ada target nak habiskan sukatan pelajaran sampai bulan berapa. Kalau kita tumpukan nak guna a BBM, lepas tu ambil masa yang lama...jadi pengajaran kita tak habis sukatan pelajaran. (GPI,2012 : 1363)

Tapi kalau ikut dari segi masa, kita pula kekangan masa. Jadi tidak boleh gunakan BBM yang banyak. (RG,2012:33)

GPI juga menganggap bahawa pergerakan pelajar untuk bergabung kelas menyebabkan waktu P&P tejejas dan mengakibatkan kesuntukan masa untuk menggunakan BBM.

*Haaa...kekangan masa. Macam saya cakap tadi lah. Kalau dua masa mungkin sempat kita gunakan. Satu lagi pelajar agama ni dia bergerak, sebab dia kan campur sekelas. Bila waktu agama, dia gabung kelas, 2 atau 3 kelas, dia bergerak ke satu tempat tu ambil masa kadang-kadang sampai 10 minit. Masa cuma ada 1 jam, dah 50 minit dah.. ambil masa dekat situ. (GPI, 2012: 879)*

Selain itu, kekurangan BBM dan tempat yang terhad menjadi penghalang kepada GPI untuk menggunakan BBM. Situasi ini disukarkan lagi dengan masalah teknikal ketika membuat persiapan tempat dan menyediakan BBM sebelum pelaksanaan P&P. Masalah ini diakui oleh penyelia GPI: *...kalau nak bawa ke satu tempat yang tak ada kemudahan LCD tu nak kena set up dulu...aaa...itu memang masalah. Lepas tu LCD nya pun nak kena booking kan...(PG,2012:374)*

Daya kreativiti yang lemah juga dianggap sebagai halangan untuk menggunakan bahan bantu mengajar. Apabila GPI kerap menggunakan bahan bantu mengajar yang sama, maka pelajar akan menjadi bosan. Hal ini dijelaskan seperti berikut:

*Emmm...BBM ada juga memotivasikan pelajar tapi kalau kita terlalu menggunakan BBM yang sama, pelajar boring juga kan. Nak kena tukar-tukar BBM. Cikgu nak kena kreatiflah.(GPI,2012:599)*

Selain itu, menurut RG, sikap GPI boleh mempengaruhi penggunaan BBM dalam P&P Pendidikan Islam.

## IMPLIKASI DAN CADANGAN

Dapatan kajian menggambarkan persepsi GPI tentang faktor dorongan dan halangan penggunaan BBM di Sekolah Bestari. GPI menyedari kelebihan menggunakan BBM ketika menjalankan P&P Pendidikan Islam kerana BBM boleh berperanan untuk meningkatkan kefahaman pelajar, menarik minat pelajar, mewujudkan reaksi positif dan memudahkan guru mengajar. Hal ini membuktikan bahawa BBM sememangnya mampu memberikan impak yang positif terhadap pengajaran guru dan pembelajaran pelajar.

Walau bagaimanapun, BBM bukan sekadar bah an yang digunakan untuk membantu guru memahami pelajar tetapi ia harus disebatikan dengan isi pelajaran supaya objektif pengajaran tercapai. Dalam konteks Pendidikan Islam, guru harus mewujudkan perkaitan yang jelas antara BBM dengan isi pelajaran supaya ilmu agama yang disampaikan bukan sahaja dapat difahami secara mendalam malah, mampu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan pelajar. Guru harus meningkatkan pengetahuan dan

kefahaman mengenai fungsi sesuatu BBM agar pemilihannya adalah tepat mengikut keperluan topik yang diajar (Barbara, 2009), sesuai dengan aras pengetahuan pelajar dan benar-benar berupaya meningkatkan penguasaan ilmu pelajar (Anderson, 2002; Zurina Yasak et al., 2010). GPI seharusnya memastikan jenis BBM yang digunakan sesuai dengan topik pelajaran dan kaedah P&P agar pelaksanaannya mencapai tujuan (Masidah, 2003; Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2007).

Halangan penggunaan BBM boleh dikategorikan kepada dua faktor utama iaitu faktor guru dan faktor kemudahan. Faktor guru iaitu kekangan masa merupakan faktor utama yang menghalang penggunaan BBM dalam P&P Pendidikan Islam. Masa yang terhad dilihat berpunca daripada penggabungan kelas ketika waktu Pendidikan Islam, jadual guru yang padat, beban tugas pengurusan dan keperluan untuk menghabiskan silibus mengikut masa yang ditetapkan. Tumpuan GPI untuk mendidik kelihatan tejejas kerana kesibukan dengan tugas pengurusan. Jadual yang padat pula mungkin berpunca daripada kekurangan guru Pendidikan Islam. Akibatnya, mereka cenderung untuk mengajar bagi menghabiskan silibus atas sebab desakan peperiksaan sehingga mengabaikan kepentingan penggunaan BBM (Stephen, 2009). Kesan daripada pengabaian penggunaan BBM ini turut menyebabkan aspek penguasaan dan penghayatan pelajar kurang diberi penekanan.

Daya kreativiti yang lemah juga dianggap sebagai suatu halangan kerana ia memberi kesan terhadap penerimaan dan respon pelajar. Kreativiti GPI harus ditingkatkan agar mereka dapat mempelbagaikan penggunaan BBM seterusnya mengelakkan pelajar menjadi bosan. Sekiranya pelajar bosan apabila guru menggunakan bahan bantu mengajar, maka sudah tentu matlamat penggunaan BBM tidak tercapai. Penggunaan BBM seharusnya membangkitkan motivasi dan minat pelajar untuk memahami pelajaran (Siti Fatimah dan Ab. Halim, 2010). Kreativiti GPI boleh dijana melalui kursus atau bengkel BBM di samping galakan dalam bentuk insentif kepada GPI yang berjaya merealisasikan BBM yang inovatif.

Rakan GPI ada menyebut mengenai sikap GPI yang boleh mempengaruhi penggunaan BBM dalam P&P Pendidikan Islam. Walaupun perkara tersebut tidak diakui oleh GPI dan penyelia GPI, pengkaji berpendapat bahawa sikap memainkan peranan penting untuk memastikan keberkesanan penggunaan BBM. Guru harus mempunyai iltizam dan kesungguhan yang tinggi ketika menggunakan BBM. Sekiranya BBM yang canggih digunakan tetapi guru masih bersikap sambil lewa dan menggunakannya secara terpaksa maka ianya akan memberikan impak yang negatif (Kamarul Azmi dan Ab Halim, 2007). Realitinya, pelajar akan lebih bersemangat jika guru mempamerkan sikap yang positif dalam menggunakan BBM dan sentiasa komited menghasilkan BBM baru yang lebih kreatif.

Faktor kemudahan yang menghalang penggunaan BBM pula ialah kekurangan BBM, tempat yang terhad dan masalah teknikal. Masalah kekurangan BBM Pendidikan Islam wajar diberi perhatian kerana ia mengakibatkan BBM digunakan secara terhad untuk topik-topik tertentu sedangkan banyak topik dalam Pendidikan Islam yang memerlukan BBM bagi meningkatkan kefahaman pelajar. GPI turut mengalami masalah ruangan atau tempat yang terhad untuk melaksanakan P&P Pendidikan Islam. Kebanyakan GPI menggunakan surau sehingga mengakibatkan kepadatan dan mewujudkan rasa kurang selesa. Situasi ini menyukarkan GPI untuk menggunakan BBM ditambah pula dengan masalah kekurangan BBM. Oleh itu, penyusunan semula jadual harus dilakukan di samping mempertimbangkan pembesaran surau dan penambahan bilik-bilik untuk P&P Pendidikan Islam. BBM Pendidikan Islam juga perlu ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan P&P dan disimpan dengan rapi agar boleh digunakan untuk jangka masa yang panjang.

Masalah teknikal yang melibatkan penyediaan dan pemasangan BBM seperti LCD pula telah mengambil masa P&P. Akibatnya, GPI kurang menggunakan BBM kerana dikhuatiri sesuatu topik itu tidak dapat menghabiskan mengikut perancangan. Oleh itu, BBM seperti komputer, LCD projektor dan layar putih perlu dipasang di setiap ruangan, bilik atau kelas yang digunakan untuk P&P Pendidikan Islam. Langkah ini secara tidak langsung boleh menjimatkan masa. Selain penambahan peralatan seperti komputer, LCD projector dan layar putih, bilik atau kelas khusus untuk subjek Pendidikan

Islam perlu diwujudkan. Sebagai contoh, bilik panitia Pendidikan Islam bukan sahaja dijadikan tempat simpanan BBM malah wajar digunakan untuk tujuan P&P Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun kemudahan dan infrastruktur bilik panitia Pendidikan Islam perlu menyokong penggunaan BBM dalam P&P (Stephen, 2009).

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian, dapat disimpulkan bahawa GPI harus mengoptimumkan penggunaan bahan bantu mengajar kerana ia memberikan impak positif terhadap P&P Pendidikan Islam di Sekolah Bestari. Paradigma GPI harus diubah agar BBM dilihat sebagai elemen penting dalam P&P bagi meningkatkan penguasaan dan penghayatan pelajar Islam. Melalui kajian ini, faktor kefahaman pelajar, minat pelajar,

reaksi positif pelajar dan kemudahan guru untuk mengajar telah mendorong penggunaan BBM di Sekolah Bestari. Manakala, kekangan masa, kekurangan BBM, tempat yang terhad, masalah teknikal, kurang kreativiti dan sikap guru yang negatif telah menjadi faktor yang menghalang penggunaan BBM seterusnya memberi kesan terhadap keberkesanan P&P Pendidikan Islam.

## RUJUKAN

- Abdul Wahab Ismail Gani, Kamaliah Siarap & Hasrina Mustafa (2006). Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran-Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes Di Pulau Pinang dlm. Shakila Abdul Manan (et al., 2006). Kajian Malaysia, Journal of Malaysian Studies. Pulau Pinang : USM Press.
- Ahmad, J. (2009). Teaching of Biological Sciences. New Delhi: PHI Learning Pvt. Ltd.
- Anderson, S.E. (2002). Improving Schools Through Teacher Development: Case Studies of the Aga Khan Foundation Projects In East Africa. Netherlands: Swets & Zeitlinger.
- Barbara Gross Davis (2009). Tools for Teaching. San Francisco: Jossey-Bass.
- Byram, Michael (ed) (2004). The Routledge Encyclopedia of Language Teaching and Learning. London: Routledge.
- Charlie Anak Ungang (2008). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan: Kajian Kes di Lima Buah Sekolah Daerah Serian. Jurnal Penyelidikan IPBL, Miri. Jilid 8.
- Ismail Zain (2002). Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi & Ab. Halim (2007). Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kochhar, S.K. (2000). The Teaching of Social Studies. New Delhi: Sterling Publishers Pvt. Ltd.
- Maimun Aqsha Lubis, Melor Md Yunus, Mohammed Diao, Tajul Arifin Muhamad, Ramlee Mustapha, Noriah Mohd Ishak (2011a). The Perception and Method in Teaching and Learning Islamic Education. International Journal of Education and Information Technologies. Issue 1, Volume 5.
- Maimun Aqsha Lubis, Abdullah Awang Lampoh, Melor Md. Yunus, Shah Nazim Shahar, Noriah Mohd Ishak, Tajul Arifin Muhamad (2011b). The Use of ICT in Teaching Islamic Subjects in Brunei Darussalam. International Journal of Education and Information Technologies. Issue 1, Volume 5.
- Masidah Masri (2003). Pembangunan dan Penilaian Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) Berbantuan Komputer Bagi Mata Pelajaran Pengurusan Perniagaan. Tesis Sarjana. Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Tun Hussein Onn.
- Mohd. Izham Mohd. Hamzah & Noraini Attan (2007). Tahap Kesiediaan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran. Jurnal Teknologi. Skudai: UTM.
- Pathak, R.P. & Chaudhary, J. (2012). Educational Technology. India: Dorling Kindersley Pvt. Ltd.
- Saemah Rahman & Siti Fatimah Mohd Yassin (2008). Kemahiran Mengakses Dan Mempelajari Bahan Hiperteks Dalam Kalangan Guru Pelatih. Jurnal Pendidikan 33 (2008) 81-94.
- Malaysian Journal of Education : Faculty of education, UKM.
- Shahril Sabudin, Nor Hayati Alwi, Hanafi Atan, Wong Su Luan (2008). Sikap Guru Sains di Negeri Sembilan Terhadap Penggunaan Teknologi Komputer di Makmal Sains. Jurnal teknologi. Skudai: utm
- Siddiqui, M.H. (2008). Teaching Of Home Science. New Delhi: APH Publishing Corporation.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. Journal of Islamic and Arabic Education, 2(2), 2010 53-64.
- Shivkumar Rautrao (2012). Significance of Aduo-visual Aids in Teaching English. Indian Streams Research Journal. Volume 2, Issue. 9, ISSN:-2230-7850, Oct. 2012.
- Stephen, Ndawula (2009). Teaching With Sponsored Instructional Materials: Attitudes of Teachers in Uganda. Journal of Educational Media & Library Sciences. Vol. 47, no. 1, 83-95.
- Tang Keow Ngang & Abdul Ghani Kanesan Abdullah (2006). Kesiediaan Dan Keberkesanan Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Biologi Di Sebuah Sekolah Menengah. Jurnal pendidikan (Journal of Educational Research). Kuala Lumpur : UM
- Vanaja, M. & Rao, D.B. (2004). Methods of Teaching Physic. New Delhi: discovery Publishing House.
- Zurina Yasak, Shamsudin Yamhari, & Ahmad Esa (2010). Penggunaan Teknologi dalam Mengajar Sains di Sekolah Rendah. Presiding Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2010, 2-3 Ogos 2010, Shah Alam.